

Nasional

Kes dokumentari Al Jazeera

Md Rayhan diusir pulang tanpa dakwa

Warga Bangladesh dihantar selepas keputusan saringan COVID-19

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lelaki Bangladesh, Md Rayhan Kabir yang mencetuskan kontroversi selepas mendakwa pihak berkuasa Malaysia bertindak tidak adil terhadap warga asing dalam doku-

mentari terbitan *Al Jazeera*, akan dihantar pulang tanpa pendakwaan.

Peguam Md Rayhan, K Sumitha Shaanthinni dan C Selvaraja dalam kenyataan berkata, lelaki itu akan dihantar pulang sebaik keputusan saringan COVID-19 selesai.

Mereka juga sudah menulis surat kepada imigresen melalui e-mel untuk bertemu dengan anak guam mereka pada jam 2 petang semalam.

Sumitha berkata, proses penghantaran balik itu juga perlu menunggu tiket penerbangan ke Bangladesh tersebut.

“Pihak imigresen memutuskan untuk menghantar pulang Rayhan Kabir. Tidak ada pendakwaan dikenakan terhadap anak guam kami.

“Dia akan dihantar pulang sebaik keputusan saringan CO-



Md Rayhan Kabir

VID-19 dilakukannya selesai dan tiket penerbangan tersedia,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada 24 Julai lalu, Md Rayhan dilatihan oleh Jabatan Imigresen ketika bersembunyi di sebuah kondominium di Jalan Pahang, di sini.

Penahanannya susulan pelbagai dakwaan palsu berhubung layanan pihak berkuasa Malaysia kepada warga asing ketika negara menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membanteras penularan COVID-19, yang disiaran *Al Jazeera* dalam dokumentari berjudul *Locked Up in Malaysia's Lockdown* pada 3 Julai lalu.



Keratan akhbar
BH 9 Julai lalu.